

SYARAT DAN PERATURAN PENDAFTARAN KURSUS SEMASA CUTI PANJANG (KSCP) , SIDANG AKADEMIK 2017/2018

1. SENARAI KURSUS YANG DITAWARKAN

Pelajar perlu menghubungi Pusat Pengajian/Pusat yang berkenaan untuk menyemak dan mendapatkan pengesahan senarai kursus yang akan ditawarkan sebelum tarikh pendaftaran kursus.

2. ASAS & SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PELAJAR MENGIKUT KSCP

- (a) Keputusan peperiksaan Semester Kedua, Sidang Akademik 2017/2018 akan dirujuk dan digunapakai bagi tujuan pendaftaran kursus KSCP.
- (b) **Kategori Pelajar yang boleh mendaftar KSCP ialah seperti berikut;**
 - I. Gagal (gred F) di dalam sesuatu kursus
 - II. Pelajar yang memperolehi gred 'DK' (*Dengan Kebenaran*)
 - III. Pelajar yang mendapat keputusan 'C-', 'D+', 'D', 'D-' .
- (c) Pelajar yang memperolehi gred 'F+' dan 'X' **TIDAK DIBENARKAN** mengikuti KSCP.
- (d) Pelajar yang terlibat dengan latihan-latihan industri/mengajar/amali tidak dibenarkan mengikuti KSCP. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, Dekan Pusat Pengajian boleh membenarkan pelajar yang mengikuti latihan-latihan industri/mengajar/amali untuk mengikuti KSCP.
 - **SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA PELAJAR YANG TELAH DISAHKAN LAYAK BERIJAZAH SELEPAS PERTIMBANGAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SEMESTER KEDUA ADALAH TIDAK LAYAK MENGULANGI MANA-MANA KURSUS SEMASA FASA KSCP**

3. SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN KURSUS

- (a) Pelajar yang ingin mengikuti KSCP **WAJIB** mendaftar kursus di Pusat Pengajian.
- (b) Pelajar dibenarkan mendaftar maksimum 3 kursus dan tidak melebihi 10 unit. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, Dekan Pusat Pengajian boleh membenarkan pelajar mendaftar lebih daripada unit tersebut.
- (c) Pelajar yang mengikuti KSCP tidak dibenarkan menambah atau menggugurkan kursus selepas minggu pertama.

4. PELAJAR TAHUN AKHIR

- (a) Pelajar di tahun akhir yang perlu mengikuti KSCP bagi tujuan pengijazahan perlu menghubungi segera Pusat Pengajian supaya kursus-kursus yang perlu ditawarkan dapat dikenalpasti dengan segera.
- (b) Pelajar tahun akhir yang telah memenuhi semua syarat pengijazahan dan disahkan layak berijazah oleh Universiti selepas pertimbangan keputusan peperiksaan Semester Kedua, Sidang Akademik 2017/2018 adalah **TIDAK LAYAK** mengikuti KSCP.